

SEMPENA PROGRAM ADVOKASI ILMUWAN MPN DI UPNM, ESOK

Benteng negara: Ilmu akademik atau ketenteraan

ABDUL LATIF HARUN



“KAMILAH Angkatan Tentera Malaysia, yang taat dan setia, sanggup berkorban walau apa sahaja, untuk Negara dan bangsa, tentera benteng pertahanan negara”

Bait-bait di atas adalah antara lirik lagu Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang menggambarkan sumpah setia anggota tentera. Amanah yang dipikul oleh warga angkatan tentera memerlukan komitmen amat tinggi mengadun kepakaran ilmu ketenteraan dan ilmu akademik.

Peranan utama ATM adalah untuk memastikan bahawa dalam apa juga situasi sempadan negara sama ada daratan, lautan atau udara tidak diceroob oleh angkatan luar.

Untuk menjawab persoalan mana yang lebih penting di antara ilmu akademik dan ketenteraan apabila dikaitkan dengan pertahanan negara bukannya mudah. Kekuatan ilmu akademik dan kepakaran dalam profesion ketenteraan akan menjadi satu entiti yang terikat oleh norma dan nilai serta kepentingan bersama apabila disatukan dengan perpaduan yang kuat sudah pasti akan mengukuhkan benteng pertahanan negara. Perkongsian pemikiran dan hati antara etnik dan kaum menjadi tanggungjawab kita sebagai masyarakat harus sentiasa bersedia siaga dan bersedia dengan kekuatan fizikal dan mental. Jika negara diancam atau diceroob, rakyat Malaysia telah bersedia dengan segala kemungkinan.

Pada zaman teknologi kini, ancaman serangan bukan sahaja secara fizikal tetapi secara halus yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar seperti serangan siber, dadah dan kimia.

Demi mencapai pertahanan yang jitu, latihan ketenteraan diadakan bersama ilmu akademik. Kekuatan ketenteraan di daratan, lautan dan udara menjadi begitu penting bagi memastikan benteng pertahanan negara sentiasa dalam keadaan kukuh. Bilangan keanggotaan yang ramai dan peralatan terkini sahaja tidak mencukupi jika ATM tidak terus melibatkan diri dalam pelbagai siri latihan sama ada di peringkat dalam negara mahupun luar negara. Latihan berterusan dalam bentuk latihan kumpulan mahupun individu akan



PENEKANAN kepada kelayakan akademik tidak merugikan ATM kerana peperangan zaman moden memerlukan tentera yang mempunyai kekuatan fizikal dan mental. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN



berupaya memastikan setiap anggota tentera sentiasa dalam keadaan bersedia sedia. Melalui latihan berterusan itu juga, kemahiran dan keupayaan setiap anggota dapat dipertingkatkan semaksimal mungkin.

Peranan pusat-pusat latihan ketenteraan amat penting demi meningkatkan profesion ketenteraan ke tahap yang disegani, termasuk menerusi eksksesas bersama negara-negara jiran.

Perancangan perolehan kelengkapan pertahanan juga penting bagi meningkatkan keupayaan pertahanan negara yang dari hari ke hari kian mencabar. Perolehan inventori persenjataan yang canggih perlu disokong oleh peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran ketenteraan. Ini boleh terlaksana dengan adanya program pembangunan sumber manusia seperti program pendidikan dan latihan yang dinamik, profesional serta berterusan.

Datuk Seri Najib Tun Razak ketika menjadi Menteri Pertahanan telah mencetuskan aspirasi agar semua pegawai tentera selain dilatih dengan ilmu profesional ketenteraan mesti mempunyai ijazah. Beliau mahu pegawai-pegawai tentera dilengkapi dengan kemahiran ilmu yang tinggi.

Melalui persetujuan di antara Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pengajian Tinggi, Aka-

demi Tentera Malaysia (Atma) dinaik taraf menjadi Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang diwartakan pada 10 November 2006. UPNM menggariskan misinya seiring penubuhan Atma pada 1 Jun 1995 iaitu untuk mendidik dan merangsang pemimpin masa depan supaya gigih berusaha untuk mencapai tahap keserjanaan yang tinggi serta kecekapan yang jitu dalam bidang ketenteraan. Hasrat UPNM ke arah melahirkan pemimpin yang berkarakter.

Dengan penubuhan Atma dan seterusnya UPNM, telah membawa perubahan yang ketara kepada pembangunan program sumber manusia ATM. Pegawai-pegawai muda yang menyertai ATM kini lulusan universiti awam (UA) iaitu graduan UPNM. Penekatan kepada kepentingan kelayakan akademik ini tidak merugikan ATM memandangkan peperangan zaman moden khususnya di era pasca Perang Dingin memerlukan anggota ATM mempunyai kekuatan fizikal dan mental. Keperluan menyediakan anggota angkatan tentera yang berpengetahuan, kompeten dan bersikap positif amatlah penting bagi menentukan segala aset canggih yang dimiliki oleh angkatan tentera dapat menghasilkan keupayaan optimum yang dihasratkan.

Tanggungjawab setiap warga angkatan tentera amat berat. Mereka perlu berusaha bersungguh-sungguh meningkatkan tahap profesionalisme melalui proses menimba ilmu akademik di samping berusaha gigih melengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan dan penuh kewibawaan.

Sun Tzu seorang pemikir strategi China terkemuka per-

nah menyatakan bahawa jeneral atau pemimpin tentera yang hebat ialah seorang pemimpin yang dapat mencapai matlamat untuk mengalahkan musuhnya menerusi strategi tanpa berperang dan tiada kekerasan. Jelaslah, negara menjadi hebat apabila anak bangsanya memiliki ilmu pengetahuan tinggi dan sering beramal dengan apa yang dipelajari agar mampu melahirkan inovasi dan kreativiti dalam diri setiap warga seperti di Jepun dan Korea.

Tanggungjawab mempertahankan negara bukan terletak di bahu angkatan tentera sahaja, sebaliknya memerlukan kerjasama semua pihak. Lebih-lebih lagi para cendekiawan dan pelajar khususnya mahasiswa di universiti awam dan swasta. Mereka bukanlah pejuang jika hanya sanggup melaukan teriakan, 'Merdeka' setiap Ogos sahaja. Semua warga harus sedar bahawa tanggungjawab mereka cukup besar bagi memastikan aspek perpaduan dalam negara dipertingkatkan, kestabilan politik dan ekonomi semakin baik manakala bidang sosial bermanfaat yang berteraskan panduan Pencipta yang Maha Mengetahui.

Komitmen untuk memastikan 'benteng pertahanan negara' sentiasa kukuh menuntut kita untuk tidak menutup mata dan telinga terhadap situasi keselamatan serantau di Laut China Selatan dan Selat Melaka termasuk di Korea Utara. Situasinya perlu dipantau secara berterusan. Untuk itu amat memerlukan ilmu dari segi strategi, geografi, sejarah, sains dan lain-lain.

Pepeata lama menyebut, "Your thy neighbour is your thy enemy" yang sama maksudnya dengan, "dalam politik, tiada kawan atau musuh yang kekal". Suasana keselamatan serantau tidak akan terus kekal aman atau kekal statik. Pelbagai isu boleh merubah suasana keselamatan negara menjadi tegang dan negara kita terancam. Ketika itu rakyat tidak akan ada masa untuk bertanya lagi benteng pertahanan negara itu tugas siapa. Jika negara ini milik kita, maka kitalah yang bertanggungjawab memastikan benteng pertahanannya dipertahankan. Ketika itu barulah kita dapat menilai di mana letaknya kepentingan ilmu akademik dan ilmu ketenteraan dalam mempertahankan kedaulatan negara.

KOLONEL (B) FELO KANAN ABDUL LATIF HARUN ialah Dekan Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).